# Praktis Topikal 10

## Bahagian A

### 10.1 Sarawak dan Sabah dalam Alam Melayu

1 Maklumat berikut menunjukkan pusat perdagangan di Sarawak.

Buku Teks m/s 178

- Kalka
- Gedong
- Bukit Sandong

Pusat perdagangan tersebut menjalankan kegiatan perdagangan dengan kerajaan

I Siam
II China
III India
IV Kampar

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

2 Antara berikut, yang manakah memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam di pantai timur Sabah?

Buku Teks m/s 179

**A** Kesultanan Sulu
**B** Kesultanan Brunei
**C** Kesultanan Johor Riau
**D** Kesultanan Melayu Melaka

### 10.2 Kemunculan Pemerintahan Tempatan

3 Maklumat berikut berkaitan kepimpinan kesukuan di Sarawak.

Buku Teks m/s 180

| Kaum | Ketua |
|---|---|
| Iban | Tuai Rumah |
| Kayan | X |
| Kenyah | Peran Lepo |
| Kelabit | Y |

Apakah **X** dan **Y**?

| | X | Y |
|---|---|---|
| A | Laih Rayeh | Hipun Uma |
| B | Kelunan Maren | Laih Rayeh |
| C | Laih Rayeh | Kelunan Maren |
| D | Hipun Uma | Kelunan Maren |

4 Maklumat berikut berkaitan pemerintahan tempatan awal di Sarawak.

Buku Teks m/s 181

- Terletak di Sungai Retus
- Diasaskan oleh Tugau pada abad ke-11

Apakah pemerintahan tempatan awal tersebut?

**A** Melano
**B** Saribas
**C** Sawaku
**D** Samadong

5 Apakah peranan ketua yang dikenali sebagai Orang Tua dalam masyarakat Kadazandusun dan Murut?

Buku Teks m/s 182

I Mengurus soal adat
II Mengurus soal pentadbiran
III Mengurus soal kekeluargaan
IV Mengurus soal pantang larang

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

6 Peta berikut menunjukkan kedudukan pemerintahan tempatan di Sabah.

Buku Teks m/s 183




Kawasan berlorek dalam peta tersebut merupakan kawasan

**A** wakil Sulu
**B** wakil Brunei
**C** wakil ketua bebas
**D** wakil kepimpinan kesukuan



LIVEWORKSHEETS

## 10.3 Kegiatan Ekonomi Masyarakat Sarawak dan Sabah

**7** Maklumat berikut menunjukkan kegiatan yang dijalankan di pesisir pantai oleh masyarakat di Sarawak.

Buku Teks m/s 184

- Menangkap ikan
- Perusahaan sagu
- Membuat perahu

Apakah kaum yang menjalankan kegiatan tersebut?

I Bisaya
II Kelabit
III Melanau
IV Kedayan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**8** Apakah kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh kaum berikut di Sabah?

Buku Teks m/s 185

- Suluk
- Iranun

**A** Menanam padi
**B** Mengutip hasil hutan
**C** Mengutip sarang burung
**D** Menjalankan kegiatan perdagangan

## 10.4 Keunikan Masyarakat Bumiputera Sarawak dan Sabah

**9** Apakah kepentingan sungai kepada masyarakat di Sarawak dan Sabah?

Buku Teks m/s 190

I Menjadi kawasan petempatan
II Menjalankan kegiatan perdagangan
III Menjadi kawasan perlombongan pasir
IV Menjalankan kegiatan perikanan ikan air tawar

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**10** Gambar berikut menunjukkan Tiang Totem yang dihasilkan oleh Orang Ulu.

Buku Teks m/s 192

Apakah yang diletakkan di atas tiang tersebut?

**A** Mayat pemerintah
**B** Mayat ketua kaum
**C** Mayat golongan atasan
**D** Mayat pahlawan negeri

**11** Kaum Rungus di Sabah menggubah bahan berikut untuk menghasilkan

Buku Teks m/s 193

**A** duang
**B** selendang
**C** keringkam
**D** kain dastar

**12** Maklumat berikut berkaitan upacara yang diadakan dalam suatu perayaan di Sarawak.

Buku Teks m/s 194

> Upacara *Miring* diadakan untuk menyatakan rasa terima kasih kepada *petara* atau tuhan.

Upacara tersebut diadakan semasa perayaan

**A** Pesta Kaul
**B** Gawai Dayak
**C** Makan Tahun
**D** Pesta Babulang

**13** Jadual berikut menunjukkan tarian kaum di Sarawak dan Sabah.
Pilih pasangan yang betul.

Buku Teks m/s 197

| | Kaum | Tarian |
|---|---|---|
| A | Bidayuh | Ngajat |
| B | Kadazandusun | Sumazau |
| C | Murut | Limbai |
| D | Bajau | Magunatip |

**14** Rumah panjang merupakan seni bina kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu.
Apakah fungsi rumah panjang tersebut?

Buku Teks m/s 198

I Tempat berinteraksi
II Mengelak serangan musuh
III Tempat menyimpan senjata
IV Tempat mengadakan acara perayaan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**15** Apakah perkara yang perlu diberi perhatian apabila membuat lepa?

Buku Teks m/s 201

I Tujuan dan fungsi lepa
II Ukuran lepa yang akan dibuat
III Hari dan bulan untuk mengambil kayu
IV Bahan-bahan lain untuk membuat lepa

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV



LIVEWORKSHEETS